ME/VCD 9605

1001 Penyakit Misteri Gangguan Makhluk Halus

BENTENG DIRI DARI SIHIR & HISTERIA

Penyusun: AL FADHIL USTAZ SYARHAN SHAFIE AT TOBIBI

1001 Penyakit Misteri Gangguan Makhluk Halus

BENTENG DIRI DARI SIHIR & HISTERIA

SIRI 2
VCD & BUKU PANDUAN DISERTAKAN

RM19.90

Penyusun:

AL FADHIL USTAZ SYARHAN SHAFIE AT-TOBIBI
(Pengamal Perubatan Islam)

1001 PENYAKIT MISTERI
GANGGUAN MAKHLUK HALUS
(Rawatan Menurut Perubatan Islam)

SIRI 2 : BENTENG DIRI DARI SIHIR & HISTERIA

CETAKAN PERTAMA	JULAI 2005
ISBN	XXXXXXX
PENERBIT	**MORAPIS EDAR** (001415076-T) 31B, JALAN WAWASAN 2/1, BANDAR BARU AMPANG 68000 AMPANG, SELANGOR, MALAYSIA Tel: **03-4296 4661** Faks: **03-4297 3763**

PENGURUSAN

PENERBIT EKSEKUTIF	SAIFUL BAHARIN HJ MAT AROFF
PENYUSUN	USTAZ SYARHAN SHAFIE AT-TOBIBI
PENOLONG PENERBIT	USTAZ AHMAD TERMIZI ISHAK
PENTADBIRAN	RASHIEDAH AINI HUSSEIN
STRATEGI & PEMASARAN	PATIMAH MUHAMMAD SANI

PRODUKSI

STUDIO RAKAMAN	**MORAPIS SDN BHD** (484422-K)
PENYUNTING VISUAL	SULASTRI SIRI
MUZIK LATAR	MOHD ZULKIFLI AL AMINI HUSIN
VIDEO GRAFIK	MOHD AMIN IBRAHIM
REKABENTUK GRAFIK	AMYRUL AYOB SAMSUDIN
JURUKAMERA	SAIFUL AZRIN & TOK WAN

DICETAK OLEH
ART DIMENSION PRINTING SDN BHD (572215-A)

Kandungan

1001 PENYAKIT MISTERI GANGGUAN MAKHLUK HALUS
BENTENG DIRI DARI SIHIR DAN HISTERIA

Sekapur Sireh

Segala puji-pujian bagi Allah yang mencipta sekelian alam. Setinggi penghargaan terima kasih kepada Al-Fadhil Ustaz Syarhan di atas kesudian beliau menjalani penggambaran khas bertajuk **"BENTENG DIRI DARI SIHIR & HISTERIA".**

Tuan-Puan Yang Dihormati,
Pada terbitan kali ini kami menampilkan penggambaran yang lebih menarik dan jelas kerana diambil dari lokasi luar iaitu di Pulau Telor, Yan Kedah. **Siri ke 2: BENTENG DIRI DARI SIHIR & HISTERIA** *ini berada di pasaran sambungan daripada Siri 1: SAKA & SANTAU. Dalam* **Siri 1: SAKA & SANTAU** *kami produksi MORAPIS telah mengetengahkan kepada muslimin-muslimat sekelian kaedah perubatan Islam untuk mengubati pesakit Saka dan Santau. Manakala dalam siri ke 2 ini lebih menjurus kepada ayat-ayat amalan untuk membentengi diri kita daripada sihir dan histeria yang sering terjadi di kalangan masyarakat kita hari ini. Saya selaku Penerbit Eksekutif berdoa tuan/puan atau sesiapa sahaja yang memiliki koleksi ini akan terus mendapatkan koleksi kami yang seterusnya*

untuk kita sama-sama mempelajari ilmu perubatan Islam yang semakin banyak perlu diketahui umum.

Tuan-Puan Yang Dikasihi,
Semoga penerbitan VCD yang dilengkapi bersama buku panduan ini memberi manfaat kepada diri dan generasi kita yang akan datang. Akhir kata daripada saya dan seluruh tenaga produksi MORAPIS mendoakan anda bahagia menjalani kehidupan bersama dengan keluarga yang disayangi yang bebas daripada penyakit misteri, Insya Allah.

"Setiap Penyakit Ada Ubatnya
Kecuali Mati"(hadis)

Salam ukhwah daripada,

Saiful Baharin Hj Mat Aroff
Penerbit Eksekutif

Wacana

Segala Puji bagi Allah Sekelian Alam
Selawat Dan Salam Untuk Nabi Junjungan
Para Sahabat Serta Auliak Sekelian

Alhamdulilah, rasa syukur yang tidak terhingga di atas inayah dan izinNya, maka **BENTENG DIRI DARI SIHIR & HISTERIA** *Siri Ke-2 (1001 Penyakit Misteri Gangguan Makhluk Halus) dapat dikeluarkan sebagai sambungan dari Siri 1:SAKA & SANTAU sebelum ini.*

Untuk pengetahuan tuan/puan budiman, **Siri 1001 Penyakit Misteri Gangguan Jin** *ini terlalu banyak yang perlu diulaskan. Oleh sebab itulah kami harus menerbitkan produk ini secara bersiri. Selain penerangan yang jelas klip video ini turut mempamerkan keadaan dan situasi pesakit yang mengalami sihir dan histeria.*

Produk ini dikeluarkan dalam bentuk Video CD yang dilengkapi buku panduan berkenaan ayat-ayat pelindung yang boleh dijadikan penawar apabila kita berhadapan dengan situasi berkenaan dan sebagai amalan diri sendiri untuk menangkis kejahatan makhlus halus.

Semoga dengan usaha yang sedikit ini, ianya dapat dimanfaatkan untuk diri kita dan generasi anak-anak kita pada masa sekarang dan akan datang, Insya Allah.

Al-Fadhil Ustaz Syarhan Shafie At-Tobibi
Penyusun

PENGERTIAN SIHIR

Penta'rifan sihir ialah amalan perbuatan yang di lakukan dengan cara mendekatkan diri kepada syaitan dan meminta pertolongan kepadanya. Asal penta'rifan sebenar ialah memalingkan sesuatu dari hakikatnya kepada bukan yang sebenar, maka orang yang terkena sihir melihat kebatilan sebagai kebenaran dan membayangkan sesuatu tidak menurut yang sebenarnya.

Ta'rif di dalam Kamus Muhit menyatakan bahawa sihir ialah mengeluarkan sesuatu dalam bentuk penampilan yang terbalik sehingga sesuatu itu mempersonakan dan mengkagumkan bagi orang sekeliling yang memandangnya.

Pengertian sihir dari segi syariat ialah:

Ikatan, jampi dan perkataan yang di ucapkan atau di tulis sesuatu yang mendatangkan kesan dan akibat terhadap tubuh orang yang disihir atau terhadap hati dan akal tanpa menyentuh secara langsung dengan izin Allah.

Dalil kewujudan sihir seperti disebut di dalam Surah Al Baqarah ayat 102

وَٱتَّبَعُوا۟ مَا تَتْلُوا۟ ٱلشَّيَـٰطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَـٰنَ ۖ وَمَا كَفَرَ
سُلَيْمَـٰنُ وَلَـٰكِنَّ ٱلشَّيَـٰطِينَ كَفَرُوا۟ يُعَلِّمُونَ ٱلنَّاسَ
ٱلسِّحْرَ وَمَآ أُنزِلَ عَلَى ٱلْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَـٰرُوتَ وَمَـٰرُوتَ ۚ
وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَآ إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ۖ
فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِۦ بَيْنَ ٱلْمَرْءِ وَزَوْجِهِۦ ۚ
وَمَا هُم بِضَآرِّينَ بِهِۦ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ وَيَتَعَلَّمُونَ
مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنفَعُهُمْ ۚ وَلَقَدْ عَلِمُوا۟ لَمَنِ ٱشْتَرَىٰهُ
مَا لَهُۥ فِى ٱلْـَٔاخِرَةِ مِنْ خَلَـٰقٍ ۚ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا۟ بِهِۦٓ
أَنفُسَهُمْ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ١٠٢

Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya) kerana merekalah yang mengajarkan

manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya). Dalam pada itu ada juga orang-orang yang mempelajari dari mereka berdua: Ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telahpun mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat. Demi sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui.

JENIS-JENIS SIHIR

1 *Memisahkan suami isteri.*
2 *Guna-guna/senyonyong.*
3 *Memperdayakan pandangan (silap mata).*
4 *Sihir membuatkan jadi gila.*
5 *Sihir membuatkan orang tidak bermaya.*
6 *Sihir mendengar panggilan (bisikan).*
7 *Sihir membuatkan penyakit.*
8 *Sihir melakukan pendarahan.*
9 *Sihir menahan pernikahan.*

PEMBAHAGIAN SIHIR

Ulama membahagikannya kepada beberapa jenis:

1 *Sihir orang kildan dan kisydan yang menyembah bintang*
2 *Sihir orang yang berilusi dan berjiwa kuat*
3 *Meminta bantuan dengan roh-roh rendah (jin)*
4 *Khayalan, hinopsis atau silap mata.*
5 *Perbuatan aneh yang nampak dari penyusunan alat-alat berdasarkan ukuran-ukuran tertentu.*

6 *Menggunakan ubat-ubat khusus iaitu dalam berbagai-bagai bentuk seperti makanan dan minyak.*

7 *Meletakkan satu kepercayaan kepada orang lain bahawa tukang sihir mampu mengetahui nama dan masa akan datang tanpa diberitahu. Ini akan menimbulkan rasa takut kepada mereka yang mendengarnya.*

8 *Mendekati dengan cara ringan dan halus. Ini biasa berlaku di kalangan masyarakat kita.*

AYAT-AYAT PENDINDING DARI SIHIR DAN GANGGUAN MAKHLUK HALUS:

Di amalkan setiap kali selepas sembahyang dan sebelum tidur.

Surah Yassin ayat 9

وَجَعَلْنَا مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا
وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَٰهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ٩

Sesungguhnya Kami jadikan (kesombongan dan keengganan mereka tunduk kepada kebenaran sebagai) belenggu yang memberkas kedua tangan mereka ke batang leher mereka; (lebarnya belenggu itu) sampai (menongkatkan) dagu mereka lalu menjadilah mereka terdongak.

Surah Al Ikhlas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ١ اللَّهُ الصَّمَدُ ٢ لَمْ يَلِدْ

وَلَمْ يُولَدْ ٣ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌ ٤

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Dia tiada beranak dan Dia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapapun yang serupa denganNya.

Surah Al Falaq

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلْفَلَقِ ﴿١﴾ مِن شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِن شَرِّ ٱلنَّفَّٰثَٰتِ فِى ٱلْعُقَدِ ﴿٤﴾ وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk. Dari bencana makhluk-makhluk yang Dia ciptakan. Dari bahaya gelap apabila ia masuk. Dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan). Serta dari kejahatan orang yang dengki apabila dia melakukan dengkinya.

Surah An Nas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلنَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ ٱلنَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَٰهِ ٱلنَّاسِ ﴿٣﴾ مِن شَرِّ ٱلْوَسْوَاسِ ٱلْخَنَّاسِ ﴿٤﴾ ٱلَّذِى يُوَسْوِسُ فِى صُدُورِ ٱلنَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ ﴿٦﴾

Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian manusia. Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam. Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia. (laitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia.

PROSES RAWATAN ORANG TERKENA SIHIR

SEBELUM RAWATAN

1) Mewujudkan suasana rumah PESAKIT dengan suasana yang bersih.
2) Keluarkan azimat yang dipakai oleh pesakit dan membakarnya.
3) Pastikan tidak terdapat lagu-lagu yang dilarang oleh syariat.
4) Jangan biarkan ada wanita yang tidak menutup aurat atau lelaki yang menghisap rokok ketika pengubatan dijalankan.
5) Ingatkan pesakit bahawa segala ujian adalah datangnya dari Allah s.w.t.
6) Ajukan beberapa soalan kepada pesakit.
   a) Adakah anda pernah bermimpi perkara yang menakutkan?

b) Pernahkan anda bermimpi melihat kanak-kanak kecil, bagaimana keadaannya? Adakah anda menyusuinya

c) Adakah anda pernah menyakiti seseorang atau bermusuh dengannya?

7) Perawat dan pesakit hendaklah suci daripada hadas kecil dan besar (berwuduk).

8) Bagi pesakit wanita pastikan auratnya ditutup sempurna agar tidak mudah terdedah auratnya ketika rawatan dijalankan.

9) Jangan merawat wanita yang menyerupai wanita kafir seperti memakai gincu, pewarna, wangian serta tatu.

10) Pesakit wanita hendaklah ditemani mahramnya.

11) Mengucap kalimah syahadah sebanyak 3 kali dan membaca surah Al-Fatihah untuk dihadiahkan kepada Rasullullah S.A.W, para sahabat dan kepada wali-wali Allah.

12) Bacalah *Lahaulawala quwatailla billah hil ali yil a'zim* dan berserahlah diri dan mintalah bantuan daripada Allah s.w.t.

Perawat hendaklah membaca ayat ini ketika memandang pesakit.

وَمَا هُم بِضَآرِّينَ بِهِۦ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ

padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah

SEMASA RAWATAN

Letakkan tangan anda ke atas kepala pesakit dan bacalah ruqaiyah di telinga pesakit dengan teliti dan suara yang agak kuat, ruqaiyahnya seperti berikut:

AYAT-AYAT RUQAIYAH

1) *Surah Al-Fatihah*
2) *Surah Al-Baqarah (ayat 1-5)*
3) *Surah Al-Baqarah (ayat 102)*
4) *Surah Al-Baqarah (aayat 163-164)*
5) *Surah Al-Baqarah (ayat 255)*
6) *Surah Al-Baqarah (ayat 285-286)*
7) *Surah Ali Imran (ayat 18-19)*
8) *Surah Al-A'raf (ayat 54-56)*

9) *Surah Al-A'raf (ayat 117-122)*
10) *Surah Yunus (ayat 81-82)*
11) *Surah Taha (ayat 69)*
12) *Surah Al-Mukminun (ayat 115-118)*
13) *Surah As-Soffat (ayat 1-10)*
14) *Surah Al-Ahqof (ayat 29-32)*
15) *Surah Ar-Rahman (ayat 33-36)*
16) *Surah Al-Hasyr (ayat 21-24)*
17) *Surah Al-Jin (ayat 1-9)*
18) *Surah Al-Ikhlas*
19) *Surah Al-Falaq*
20) *Surah An-Nas*

*****Bacaan ayat Ruqaiyah ini boleh didapati dalam bentuk kaset daripada* **Ustaz Syarhan, usrah tobibi team atau di pejabat MORAPIS SDN BHD.**

PERINGKAT SETELAH SELESAI RAWATAN

Sekiranya pesakit telah sembuh pujilah Allah taala yang maha agung yang menyembuhkan, rahsiakan segalanya pada pengetahuan orang lain. Ini kerana sekiranya penyihir mengetahui pesakit telah sembuh ia akan kembali menyihirnya.

Untuk mendinding diri dari terkena sihir maka pesakit hendaklah memelihara beberapa perkara:

1. Memelihara solat berjamaah.
2. Berselawat kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W.
3. Menghindari lagu-lagu dan muzik yang melalaikan.
4. Berwuduk dan membaca ayat kursi sebelum tidur.
5. Membaca bismillah sebelum memulakan sesuatu pekerjaan
6. Membaca zikir ini 100 kali setiap kali selesai solat subuh.

لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ
يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Tiada tuhan melainkan Allah yang maha Esa, tiada sekutu baginya baginya kekuasaan dan baginya puji-pujian yang maha menghidupkan dan mematikan dan dialah berkuasa atas tiap sesuatu.

7 Membaca ayat Al Quran setiap hari walaupun sedikit. Sekiranya tidak boleh membaca disebabkan uzur bolehlah ia mendengar dari mana-mana sumber audio video dan orang perseorangan.
8 Bersahabat dengan orang yang baik.
9 Berzikir setiap pagi dan petang.

HISTERIA

PENGENALAN

Histeria ialah pengaruh dari roh-roh jahat yang memasuki atau merasuki dengan tujuan tertentu dan pada waktu-waktu tertentu.

KEPADA SIAPA HISTERIA SERING BERLAKU

Antaranya:

- *Orang yang lemah semangat*
- *Perempuan yang datang haid*
- *Seseorang yang pernah terkena kerasukkan*
- *Seseorang yang mempunyai saka*
- *Orang yang mempelajari ilmu agama*

LANGKAH-LANGKAH MENGATASI HISTERIA

Cara mengubati pesakit histeria ialah seperti berikut, ikuti langkah-langkah ini:

1 *Membaca Surah Al Fatihah*

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾
ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾
ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَٰلِكِ يَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤﴾
إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ ٱهْدِنَا
ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمْتَ
عَلَيْهِمْ غَيْرِ ٱلْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ
وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧﴾

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam.

Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari akhirat). Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.

dan ulangi ayat ini beberapa kali dan berniat meminta pertolongan hanya kepada Allah

Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.

2 Membaca Ayat Kursi

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ
ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ
أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا
شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ
وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ٢٥٥

Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia , Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafa'at (pertolongan) disisiNya melainkan dengan izinNya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedangkan mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah menghendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan

bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dialah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya).

Ulangi 3 kali pada ayat

3 Membaca

Dengan nama Allah, apa yang dikehendaki oleh Allah

Tiupkan ke dalam gengaman tangan kemudian tepuk di bahagian belakang di antara 2 bahu beberapa kali dengan niat mengeluarkan jin yang berada di dalam tubuh pesakit.

DI MANA IA SERING BERLAKU?

Histeria sering berlaku di tempat-tempat adanya pengajian agama.

Histeria di sebabkan oleh beberapa perkara.

1 Kerasukan yang dilakukan oleh jin dan syaitan yang yang telah berjanji memusuhi anak-anak Adam.
2 Kerasukkan di sebabkan kelalaian para pelajar membuang benda-benda kotor ke tempat yang tidak sepatutnya

Sememang ada jin-jin yang beragama Islam yang sukakan kebersihan tinggal di kawasan pengajian dengan tujuan untuk mendalami agama Allah. Tindakan pelajar-pelajar tidak menjaga adab-adab dan melakukan perkara-perkara melanggar perintah agama menyebabkan jin bertindak merasuk pelajar-pelajar.

3 *Kerasukkan di sebabkan perbuatan mencurah air panas di merata-rata tempat terutamanya di dalam mangkuk tandas.*

4 *Kerasukkan yang berlaku di tempat-tempat perkelahan kerana jin tidak suka kehadiran manusia ke tempat mereka atau di sebabkan perlakuan tidak senonoh yang menyalahi peraturan mereka.*

Oleh kerana sebab-sebab seperti inilah jin merasuk manusia tidak kira yang bersalah atau tidak asalkan dendam mereka terbalas. Oleh yang demikian itulah sekiranya berlaku histeria ia akan merasuk dalam jumlah kuantiti yang banyak, mereka yang menjadi mangsa ialah mereka-mereka yang disebutkan di atas. Sewajarnya bagi kita menyediakan benteng diri dari gangguan makhluk halus ini.

AMALAN-AMALAN BENTENG MENJAUHI HISTERIA

1 *Membaca:*

Surah Al Ikhlas
Surah Al Falaq
Surah An Nas

2 *Zikir Nabi Yunus 7 kali selepas solat subuh*

Tiada tuhan melainkan Engkau (Allah) maha suci Engkau sesungguhnya aku dari kalangan orang yang zalim.

3 *Membaca*

Dan Dia berkuasa ke atas hambanya dan mengutuskan kepada kamu penjaga.

4 *Mengamalkan apa jua jenis zikir.*

Segala yang baik dari Allah dan segala kelemahan lahirnya dari kelemahan diri kami sebagai hamba Allah.

Siri 2: Benteng Diri Dari Sihir & Histeria memaparkan kepada kita tentang sihir dan histeria, pengaruhnya dan cara rawatan. Terdapat beberapa sihir yang perlu diketahui antaranya sihir memisahkan suami isteri, sihir percintaan, sihir memperdayakan pandangan, sihir pernikahan dan lain-lain. Kesemua ciptaan Allah S.W.T. hanyalah merupakan perantaraan Allah semata-mata. Allah S.W.T. jualah yang berkuasa mutlak atas segalanya. Maka atas sebab itu tidak dinafikan al-Quran merupakan petunjuk dalam segenap aspek kehidupan. Di dalam al-Quran terdapat 6 perkataan As Syifa' yang menunjukkan kepada kita bahawa al-Quran adalah sumber perubatan terulung. Justeru penerbitan siri kali ini menjurus kepada amalan ayat-ayat al-Quran yang perlu dipelajari dan seharusnya menjadi amalan seharian untuk menghindarkan diri dari kejahatan makhluk halus walau di mana kita berada, Insya Allah.

MORAPIS EDAR (001415076-T)
No. 31B, Jalan Wawasan 2/1,
Bandar Baru Ampang,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-4296 4661
Faks : 03-4297 3763
H/P : 012-371 3462